

LATIHAN PENGUKUHAN MODUL 6 : PAPAR TANDA BERLAMPU

Jawab semua soalan dengan betul berpandukan buku teks PRT Tingkatan 5.

1. Gambar di bawah adalah sebahagian kerja penyediaan vinil dalam papar tanda berlampu.



Berikut adalah langkah kerja penyediaan vinil yang tidak mengikut urutan.

A	Menekan butang pada mesin pemotong untuk pelarasan vinil secara automatik.
B	Mengunci kedudukan vinil.
C	Memotong vinil.
D	Mengukur dan menanda vinil.
E	Melaras vinil pada mesin pemotong vinil supaya vinil berada pada kedudukan yang betul dan tepat.

Susun langkah kerja mengikut urutan yang betul dengan menulis A, B, C, D dan E pada ruang jawapan yang disediakan.

Langkah 1	Langkah 2	Langkah 3	Langkah 4	Langkah 5

2. Padankan gambarajah memindahkan imej dan penghurufan papar tanda led dengan penyataan langkah kerja yang betul.



Laraskan stiker vinil pada permukaan panel.



Lekatkan pita pemindah pada imej dan penghurufan.



Sembur air sabun pada permukaan panel papar tanda.



Tanggalkan stiker vinil yang tidak diperlukan.



Tanggalkan pita pemindah dari permukaan stiker vinil.



Ratakan stiker vinil pada permukaan panel dengan menggunakan sekuji.

3. Gambarajah dibawah merupakan pemakaian peralatan keselamatan ketika bekerja di dalam bengkel dan sewaktu mengendalikan mesin. Labelkan pakaian keselamatan dengan betul pada ruang jawapan yang disediakan.



4. Suaikan sebahagian langkah kerja bagi kerja mengukur, menanda dan memotong tiub keluli dalam kotak pernyataan di bawah dengan rajah yang betul.

Tandakan garisan menggunakan sesiku L dan pensel

Ukur tiub keluli dengan pita pengukur.

Kedudukan mata pemotong bersebelahan garisan penanda.

Laraskan kedudukan tiub keluli pada mesin pemotong.

Kunci kedudukan tiub keluli pada mesin

Poyong tiub keluli dengan mesin pemotong



5. Gambar di bawah adalah sebahagian kerja kimpalan kerangka berkotak dalam papar tanda berlampu.



Berikut adalah langkah kerja kimpalan yang tidak mengikut urutan.

A	Kimpalan dibuat pada setiap sambungan tiub keluli meliputi bahagian atas dan bawah (dua unit kerangka tiub keluli).
B	Melaraskan kedudukan alat kimpalan pada tiub keluli.
C	Mengasah kesan kerja kimpalan pada kedua-dua unit kerangka tiub keluli.
D	Melaras tiub keluli dengan magnet kimpalan pelbagai sudut bagi membentuk kerangka segi empat tepat.
E	Melaras empat unit tiang pada kerangka pertama dengan magnet kimpalan pelbagai sudut.

Susun langkah kerja mengikut urutan yang betul dengan menulis A, B, C, D dan E pada ruang jawapan yang disediakan.

Langkah 1	Langkah 2	Langkah 3	Langkah 4	Langkah 5